

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

30. Mengapakah MPSP mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang berdasarkan cadangan *zoning* Draf Rancangan Tempatan (RT)?
- (a) Adakah RT Seberang Perai akan disediakan semula mengikut peruntukan Akta atau hanya satu proses gabungan ketiga-tiga draf RT, Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS)?
 - (b) Bilakah RT akan disiapkan dan digazetkan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengguna pakai *zoning* draf Rancangan Tempatan (RT) dalam membuat keputusan perancangan kerana Rancangan Tempatan (RT) belum digazetkan setelah tiga (3) laporan Draf Akhir Rancangan Tempatan (RT) yang telah disediakan secara berasingan untuk ketiga-tiga daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) ditangguhkan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, kandungan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di bawah Seksyen 22(2)(b) membenarkan *zoning* draf Rancangan Tempatan

sebagai panduan.

- (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedang menyediakan RT Seberang Perai 2030 selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) di bawah Seksyen 12(1). Penyediaan RT Seberang Perai 2030 adalah hasil gabungan ketiga-tiga Draf RT mengikut daerah yang telah disediakan sebelum ini. Tujuannya adalah untuk menghasilkan satu dokumen rancangan pemajuan RT yang selaras untuk ketiga-tiga daerah di Seberang Perai yang turut mengandungi satu pelan cadangan guna tanah terkini sehingga tahun 2030.
- (b) Berdasarkan kepada Jadual Kerja Penyediaan Kajian, Rancangan Tempatan Seberang Perai dijangka disiapkan pada bulan Disember 2018 dan akan diwartakan pada tahun 2019.